

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN WONG KAH WOH [IPOH TIMUR]

TARIKH : 24 JULAI 2018 (SELASA)

SOALAN : 37

Tuan Wong Kah Woh [Ipoh Timur] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan secara terperinci status kelulusan lapangan terbang antarabangsa yang baharu untuk negeri Perak yang mana telah diumumkan oleh Kerajaan Perak pada tahun 2017. Berapakah kos yang dijangka terlibat dan siapa yang akan menanggung kos tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan mengambil maklum akan permohonan cadangan pembangunan Gerbang Cempaka Sari oleh Kerajaan Negeri Perak yang mana turut merangkumi cadangan untuk membina sebuah lapangan terbang baharu di Seri Iskandar bagi menggantikan lapangan terbang sedia ada. Satu kajian telah dilaksanakan oleh pemaju Seri Iskandar yang telah dilantik oleh Kerajaan Negeri. Walau bagaimanapun, kajian tersebut tidak mempunyai maklumat yang lengkap. Dalam hubungan ini, Kerajaan Negeri perlu mengemukakan semula cadangan yang lebih lengkap sekiranya Kerajaan Negeri berminat untuk meneruskan permohonan bagi pembinaan sebuah lapangan terbang baharu di Seri Iskandar, Perak.

Untuk makluman, Lapangan Terbang Sultan Azlan Shah, Ipoh, Perak (LTSAS) telah dinaik taraf pada 2012 dengan kos projek sebanyak RM 40.12 juta.

Statistik Pertumbuhan Penumpang di LTSAS adalah seperti berikut:

2010	2011	2012	2013	2014	2015	2016	2017	Mei 2018
48,508	71,169	73,354	74,320	98,768	222,606	269,696	274,146	374,723

Manakala operasi penerbangan yang terkini di LTSAS adalah seperti berikut:

SYARIKAT PENERBANGAN	LALUAN	KEKERAPAN SEMINGGU
FIREFLY	IPH - SIN	14
MALINDO	IPH - JHB	11
	IPH - KNO	3
FLYSCOOT	SIN - IPH	11

KNO = Medan, Indonesia